

15/04/1999

Cercaan Fadzil pecah tembelang Pas

Wan Mat Saman

TIDAK cukup dengan mencaci - fitnah Perdana Menteri serta Timbalannya secara tersirat melalui pelbagai tuduhan keji di Internet oleh penyokongnya di samping "tuba rasminya", Harakah, Pas kini tanpa segan silu kian galak pula memaki-hamun keluarga serta keturunan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara terang terangan di khalayak ramai.

Tindakan di luar batas keIslaman Pas ini bukan suatu dimensi baru di dalam perjuangannya untuk menjatuhkan kerajaan pimpinan Umno dan merampas tampuk pemerintahan negara, dengan apa jua cara pun. Ia hanya mengukuhkan bukti bahawa Pas sendiri dan bukan Dr Mahathir yang mereka kerap cerca, yang sebenarnya berpendirian durjana ala "Machiavelli" - yakni bertunjangkan falsafah perjuangan "matlamat menghalalkan cara".

Persetankan sikap celupar, memaki hamun, memfitnah, memporak-perandakan bangsa seagama. Biar keharmonian kaum dan agama hancur berkecai lantaran ceramah yang membakar emosi rakyat. Usah diperdulikan jika kancah politik-ekonomi negara bergolak sehingga negara tumpas kepada boneka asing asalkan "bulan mengambang" berjaya menguasai negara ini.

Namun, rakyat yang majoritinya masih rasional dan patriotik, tetap sedar bahawa bulan mengambang yang dijanjikan oleh Pas itu tidak lebih daripada suatu sulapan yang mengerikan. Bulan mengambang Pas akan hanya mengundang gerhana kesengsaraan kepada kita. Ini lantaran sikap angkuh lagi fanatik kepemimpinan Pas yang bakal memusnahkan segala nilai sosio-politik luhur yang telah lama dipupuk sejak merdeka lagi oleh kerajaan, khususnya Umno.

Selain daripada sifat kebiadapan yang ketara, terdapat beberapa kesimpulan tersirat natijah dari keceluparan Pas ini yang wajib didedahkan untuk renungan serta iktibar bersama. Pas sebenarnya cuba mempraktikkan suatu teknik propaganda yang dinamakan "name calling" (memberi gelaran keji). Dengan mengaitkan suatu sasaran (pemimpin, organisasi, sistem, kaum) dengan suatu nama atau takrif yang keji, mereka yang menggunakan teknik ini berharap rakyat akan lebih mudah menolak sasaran yang ditohmahkan sebaliknya menerima penohmahnya hanya berdasarkan kaitan keji itu dan bukan bersandarkan wibawa atau "merit" hujah yang bernas. Teknik ini biasa digunakan oleh ahli demagog. Pas jelas begitu jahil akan tanggungjawab sebenar pemimpin didalam mentadbir masyarakat majmuk di negara kita.

Apakah tanggungjawab Pak Lah hanya sekadar menjaga babi saja? Bukankah Pak Lah sebagai pemimpin kedua tertinggi negara kita, telah tekun menjalankan amanah untuk mengekang wabak Japanese Encephaliti (JE) yang kian merebak, yang ketika itu mengorbankan rakyat pelbagai kaum? Apakah jika kerajaan Pas berada dalam situasi sedemikian maka mereka akan sekadar berkata "tak apa ini masalah orang kafir saja" sedang negara diancam kesengsaraan rakyatnya serta kemusnahan harta benda? Beginikah pemikiran serta pegangan mereka yang begitu taksud lagi temahakkan tampuk pemerintahan negara yang berbilang agama dan kaum ini?

Jelas angan-angan Pas tidak akan kesampaian kerana rakyat berbilang bangsa dan agama di negara ini yang majoritinya masih berfikiran waras lagi sederhana akan menolak kepemimpinan sempit lagi fanatik ini. Impian mereka akan kekal bak "pungguk rindukan bulan". Justeru itu, keceluparan Pas ini adalah pembuka mata serta hati kita kepada hakikat keji sebenar perjuangan Pas. Ianya tidak lebih daripada suatu wadah sesat lagi tandus siasah perjuangannya. Ia tiada agenda politik yang bernas dan tersusun, sebaliknya hanya gemar bertopengkan omongan, retorika serta kesucian al-

Quran dan Hadis.

Populariti mereka juga hanya sekadar menumpang gelombang emosi serta dendam membara, lantaran kemelut dalaman Umno serta kekecewaan peribadi seorang pemimpin yang gagal menabalkan dirinya sebagai Perdana Menteri. Mereka juga jahil di dalam mentadbir masyarakat majmuk seperti di negara ini yang hanya akan menggoyah kerukunan kaum dan agama kini, jika diberi sebarang kesempatan untuk berkuasa.

Maka itu janganlah kita terpukau dengan pujuk rayu Pas agar "diberi satu peluang" untuk memerintah negara. Risikonya jauh terlalu tinggi dan bakal dibayar oleh keringat, air mata sesalan serta jiwa raga kita kelak. Sebaliknya, kita wajib menolak kepemimpinan oportunis, biadap, lagi sempit ini. Sokongan jitu mesti disandarkan kepada kepemimpinan kini, khususnya Umno, demi mempertahankan maruah agama, bangsa dan negara dari diganggu-gugat oleh anasir luar serta tali barut dalaman mereka.